

Sambutan KreaNova perlu disertai JFPIU

UB 9.10.2017 B1



WARGA UMS yang hadir merakamkan gambar kenangan bersama Shahril.

SAMBUTAN Bulan Kreatif dan Inovatif (KreaNova) perlu diwajibkan kepada penyertaan daripada semua jabatan, fakulti, pusat, institut dan unit (JFPIU) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata, penganjurannya itu sangat baik kerana ia mampu menyuburkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga UMS.

"Justeru, setiap JFPIU seharusnya terlibat secara langsung dalam setiap aktiviti yang berlangsung sehingga 31

yang dijalankan sepanjang sambutan bulan KreaNova ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin merasmikan sambutan itu yang berlangsung sehingga 31

Oktober di universiti itu.

Shahril turut mencadangkan agar setiap JFPIU juga tampil dengan kreativiti serta inovasi dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan masing-masing.

"Sebagai contoh, di

Jabatan Bendahari mungkin boleh mewujudkan sistem pembayaran yuran dalam bentuk perisian yang boleh dimuat turun dari android untuk memudahkan para mahasiswa.

"Bahagian Perkhidmatan Akademik juga mungkin boleh membuat QR Code bagi tujuan kuliah yang berkesan yang mana, apabila para pelajar membuat imbasan terhadap QR Code itu, segala nota kuliah secara automatik akan dimuat turun ke telefon pintar mereka," katanya sambil merujuk kepada usaha transformasi menuju Universiti Industri 4.0.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Bahagian Sumber

ANTARA kakitangan UMS yang hadir di majlis itu.

Manusia Mohd Raffie Haji Janau mewakili Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad.

Untuk rekod, sambutan Bulan KreaNova antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran, kefahaman serta membudayakan amalan kreatif dan inovatif dari segi pemikiran dan tindakan

dalam kalangan warga UMS, di samping menerapkan pengurusan inovatif di setiap jabatan di UMS.

Ia juga bagi memupuk amalan pengurusan inovatif di setiap JFPIU selaras dengan visi universiti iaitu 'Menjadi Sebuah Universiti Berinovatif Bertaraf Dunia'.

